

TAHAP KEROSAKAN DAN KOS PEMBAIKPULIHAN SEKOLAH-SEKOLAH  
HARIAN DI KUALA SELANGOR

NORAZMA BINTI ZAHARI

Tesis ini dikemukakan  
sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakuliti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

Mei, 2008

## ABSTRAK

Binaan bangunan pasti tidak akan terlepas daripada masalah kerosakan. Semua elemen di dalam binaan bangunan tetap akan mengalami kerosakan tidak kira cepat atau lambat dan ia bergantung kepada beberapa faktor yang mempengaruhi kadar kerosakan. Antaranya faktor kerosakan adalah persekitaran, tindakan manusia kesilapan semasa pembinaan dan lain-lain lagi. Kerosakan pada bangunan mampu menggugat keselesaan dan keselamatan penggunaannya. Ia secara tidak langsung turut menyebabkan nilai dan kualiti bangunan tersebut berkurangan. Terdapat banyak laporan yang boleh didapati dalam media massa mengenai kerosakan bangunan sekolah yang adakalanya mengakibatkan kematian. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kerosakan sebuah bangunan dengan skop bangunan sekolah serta kos yang terlibat di dalam pembaikpulihan sekolah berkenaan. Kajian ini juga bertujuan untuk membantu pihak yang terbabit untuk menyediakan peruntukan wang yang bersesuaian dan memenuhi keperluan kerja bagi kerja-kerja pembaikpulihan bangunan-bangunan sekolah di Malaysia. Kajian ini telah dijalankan di sekitar daerah Kuala Selangor di bawah faktor kawasan yang agak jauh dari bandar besar. Data ini diperolehi daripada kajian literatur dan pemerhatian sendiri dan dianalisa menggunakan kaedah statistik mudah. Hasil yang diperolehi daripada analisis menunjukkan kerosakan yang paling besar berlaku adalah kerosakan pada bangunan dan sedikit kerja infrastruktur. Jumlah kos untuk pembaikpulihan untuk bangunan juga tinggi bergantung kepada kerosakan.

## *ABSTRACT*

Constructed building will never get away from damages or defect problem. All elements of a building will deteriorate at greater rate or lesser period and it depend on few factors that influence the damage rate. Amongst the factors are environment, human act, error during construction and etc. Defects on building are capable to affect the comfortability and safety of the users. Thus, it is also affecting the value and quality of the building falling. There are many report has been reported in mass media about school building defect that sometimes cause death. Therefore this study conducted to identify the level of defect of a building with school building as a scope, also the cost involved in refurbishing the school building. The rationale of this building is to assist relevant party to allocate sum of money that appropriate and fulfill the work requirement for refurbishing work. This study has been carried out in Kuala Selangor area whereas it is situated far away from big city. The data collected using literature studies, observation and interviews with people involved and the data have been analyze using simple statistic method. The result shows that the highest damages of the school happened to building and some infrastructure work. The cost of building refurbishment is also quite high depending on the defect.